

07 AUG 1997

Mahathir-Bakun

DR MAHATHIR YAKIN PERBALAHAN MENGENAI BAKUN BOLEH DISELESAIKAN

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan yakin perbalahan berhubung dengan perjanjian bagi pembinaan empangan hidro elektrik Bakun di Sarawak boleh diselesaikan.

Perbalahan itu, antara Ekran Berhad dan kontraktor utama, Asea Brown Boveri (ABB) berkisar khusus kepada soal kejuruteraan, perolehan dan pembinaan projek.

"Kita sedang berusaha ke arah itu dan saya berpendapat kita mampu menyelesaikannya. Kita akan menyelesaikannya dengan apa cara sekalipun," kata Perdana Menteri selepas melancarkan sebuah syarikat, InterAsia Fest and Exhibition Sdn Bhd di sini hari ini.

Yang penting ialah empangan Bakun dibina, kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai ura-ura di pasaran bahawa ABB telah meminta kerajaan menjadi "penjamin bagi projek itu", Dr Mahathir berkata: "Kita tidak dapat menjadi penjamin kepada sesuatu (perjanjian) yang kita fikir tidak selamat, kita akan menjadi penjamin jika ia selamat."

Oleh itu, kata beliau, kerajaan perlu meneliti sebab-sebab kenapa Ekran "tidak berpuas hati dengan perjanjian itu".

Perdana Menteri berkata beliau akan mengkaji laporan mengenai perkara itu yang diterimanya daripada Ekran Berhad.

Khamis lepas Dr Mahathir berkata kerajaan mungkin melantik kontraktor baru jika pertikaian itu tidak dapat diselesaikan. Ekran dan ABB dijadual mengadakan perbincangan lanjut minggu ini.

Minggu lepas, Pengerusi Eksekutif Ekran Tan Sri Ting Pek Khiing berkata pertikaian itu disebabkan oleh lebih kos daripada harga yang ditetapkan yang boleh dituntut oleh ABB.

Beliau berkata terdapat perkara-perkara dalam kontrak yang membolehkan ABB menuntut kos melebihi nilai kontrak US\$5.44 bilion.

-- BERNAMA

RAZ MAI